



Agensi Kelayakan Malaysia
Malaysian Qualifications Agency

Tel: +603 8688 3611 | Faks: +603 8688 3600

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
(Chief Executive Officer)
AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA
(Malaysian Qualifications Agency)
Mercuri MQA
No. 3539, Jalan Teknokrat 7
63000 Cyberjaya
Selangor Darul Ehsan

NO GIFT POLICY



Ruj. Kami : MQA.100-1/7/2 Jld. 3 (21)

Tarikh : 21 Januari 2021

KEPADA SEMUA PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI (PPT)

Perhatian/Tindakan
- Dekan² Fakulti & PPS
- Pengerah PPT & CAKAE-i

Tuan/Puan,

SURAT MAKLUMAN MQA BIL. 2/2021



PROF. DR. KAMARUL SHUKRI BIN NAITEM
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Universiti Sultan Zainal Abidin

PENGEMASKINIAN ISTILAH *ACADEMIC RESIDENTIAL REQUIREMENT*

16/3/21

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti yang tuan/puan sedia maklum, istilah *Residential Year* telah mula digunakan pada tahun 2011. Penggunaan istilah ini berdasarkan kepada keputusan Mesyuarat Kajian Semula Dasar-dasar Berkaitan Jaminan Kualiti (MKSDJK) KPM-MQA Bil. 1/2011 bertarikh 12 Julai 2011 yang berkaitan dengan Dasar Pindah Kredit. *Residential Year* bermaksud keberadaan pelajar secara fizikal di Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) yang menganugerahkan kelayakan dalam tempoh minimum yang ditetapkan.

3. Konsep dan maksud *Residential Year* telah diperjelaskan semula di dalam Surat Makluman MQA Bil. 9/2020 bertarikh 3 September 2020 berkaitan penambahbaikan dasar pindah kredit secara *horizontal*. Mengambil kira perkembangan semasa pendidikan tinggi negara dan kepelbagaian dalam pengendalian program pengajian oleh PPT, maksud *Residential Year* telah diperluaskan dengan merujuk kepada keberadaan pelajar secara fizikal atau bukan fizikal di PPT yang menganugerahkan kelayakan iaitu PPT di mana pelajar bergraduat.

4. Selaras dengan penambahbaikan tersebut, istilah *Residential Year* akan digantikan dengan *Academic Residential Requirement*. PPT dimohon mengambil perhatian berkenaan penggunaan istilah baharu ini untuk disesuaikan dengan kepelbagaian bentuk dan pendekatan penawaran program pendidikan tinggi.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Yang benar,

PROF. DATO' DR. HUSAINI BIN OMAR

*sentia Lulu
17/3.*

PEJABAT NAIB CANSOLOR	
KELAB	CATAN
<input checked="" type="checkbox"/> TNC (A&A)	<input type="checkbox"/> TINDAKAN
<input type="checkbox"/> TNC (P&I)	<input checked="" type="checkbox"/> MAKLUMAN
<input type="checkbox"/> TNC (HEPA)	<input type="checkbox"/> EDARAN
<input type="checkbox"/> PENDAFTAR	<input type="checkbox"/> BINCANG
<input type="checkbox"/> BENDAHARI	<input type="checkbox"/> DILULUSKAN
<input type="checkbox"/> PUU	<input type="checkbox"/> HADIR
<input type="checkbox"/> DEKAN	<input type="checkbox"/> WAKIL
<input type="checkbox"/> PENGARAH	<input type="checkbox"/> FAIL
<input type="checkbox"/> S/U	
<input type="checkbox"/> LAIN-LAIN	

PROF. DATO' DR. HASSAN BASRI BIN AWANG MAT DAHAN
Naib Canselor
Universiti Sultan Zainal Abidin